

Indeks Rasuah Diturunkan, Malaysia Aman

ZAHIDHAMIDI.COM

Ogos 24, 2017

Budaya rasuah merupakan suatu jenayah yang berat dan kesalahan undang-undang di Malaysia. Mereka yang bersalah boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda 5 kali nilai ganda suapan atau kedua-duanya sekali. Implikasi keburukan jenayah rasuah bila mana ianya mula diserap menjadi budaya dalam sesebuah organisasi amatlah ditakuti sebelum ia menjadi parah. Persalah rasuah mendapat kebebasan, keistimewaan atau kontrak dari pihak berkuasa atau sebaliknya sesebuah syarikat memberi wang, voucher, hadiah, keraian, melancong dan hiburan kepada pihak-pihak tertentu. Terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu meminta atau menerima rasuah, menawar atau memberi rasuah, membuat tuntutan palsu dan menyalahgunakan jawatan atau kedudukan yang dipegang. Tidak kiralah berpangkat atau tidak berpangkat.

Budaya rasuah ini sebenarnya telah disedari oleh agama Islam. Cara yang terbaik bagi mengatasi dan mengawal budaya ini telah disediakan dari zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Ianya perlu diserapkan dan digunapakai oleh masyarakat Malaysia. Langkah pertama iaitu pengharamkan secara berkesan tanpa bertolak ansur dengan budaya rasuah. Dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi yang bermaksud :

“Penerima dan pemberi rasuah akan ditempatkan dalam api neraka”.

Tindakan serta perbuatan ini juga dilaknat dengan kerasnya oleh Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Ahmad yang bermaksud :

“Allah SWT melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah serta orang yang memberikan jalan terhadap kedua-duanya”.

Berdasarkan dalil-dalil diatas jelas membuktikan Islam melarang perbuatan keji ini. Kutukan ini bukan sahaja terbatas kepada penerima, peminta rasuah malah pemberi serta

sesiapa sahaja yang bersubahat dalam mengamalkan kegiatan rasuah ini. Saya ingin menasihati semua, keimanan disaluti dengan peribadi unggul adalah perisai yang paling efektif untuk membentaras gejala rasuah dikalangan umat Islam Malaysia. Kekuatan iman serta keperibadian diri yang unggul dapat menangkis habuan rasuah sekali pun tiada sesiapa yang tahu, nampak dan peluang terbuka luas di hadapan mata.

Dilihat dalam situasi Malaysia pada ketika ini, pemberian rasuah jika tidak dibendung akan mengakibatkan banyak masalah sosial kerana undang-undang tidak akan dipatuhi dengan sepenuhnya. Maka kegiatan jenayah dan ketidakadilan akan berleluasa. Terkini, semua jabatan serta agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) diminta menandatangani lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi menangani gejala rasuah dikalangan penjawat awam. Pelaksanaan ikrar itu bertujuan membantu membuang persepsi buruk pelbagai pihak terhadap kerajaan.

KDN adalah kementerian yang sensitif memandangkan perkhidmatan kita diletak di barisan hadapan kerajaan dan dalam konteks ini, pihak Polis Malaysia kerap terdedah dengan rasuah. Tahniah saya ucapkan kepada PDRM yang melafaz ikrar baru-baru ini dan disusuli dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melaksanakan ikrar yang sama bagi mengelak prasangka masyarakat Malaysia terhadap kedua-dua agensi kerajaan ini. Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melaksanakan ikrar rasuah sifar sebagai komitmen memerangi gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Pada April lalu, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) menjadi jabatan pertama di bawah KDN melafazkan IBR. Saya menasihati semua anggota penjawat awam perlulah mempunyai niat yang baik, mulakan dengan diri kita sendiri, tanyalah diri kita sendiri dan jauhilah budaya rasuah ini.

Saya berbangga melihat usaha keras SPRM kerana berjaya menaikkan imej kerajaan melalui penangkapan serta dakwaan agresif sejak kebelakangan ini. Saya ucapkan tahniah kepada SPRM. Usaha jitu mereka telah meningkatkan kebolehan kepercayaan terhadap SPRM dan menghapuskan persepsi negatif masyarakat Malaysia terhadap badan itu.

Dengan lebih 5,000 kakitangan SPRM yang diberikan latihan dalam aspek pambanterasan dan pencegahan rasuah, hasrat kerajaan untuk menghapuskan gejala itu sudah pasti mampu dicapai, terutama dengan sokongan seluruh rakyat. Seterusnya sistem pendidikan negara menerusi TN50 akan membentuk generasi akan datang yang bebas daripada gejala rasuah, insyaAllah.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/indeks-rasuah-diturunkan-malaysia-aman/>